

# BOMBA TONGGAK PENYELAMATAN NEGARA

Ihsan: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ  
الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

(Surah Ali Imran, ayat 19)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## MUSLIMIN YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,

Di kesempatan berada pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah bersama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

## MUSLIMIN YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,

Dalam sejarah ketamadunan manusia telah menunjukkan betapa nikmat keamanan memberi sumbangan besar kepada kemakmuran dan kesejahteraan dunia. Kesejahteraan bererti kita bebas dari segala bentuk ancaman yang menggugat keharmonian hidup. Kita amat bersyukur bahawa negara kita berada dalam suasana aman dan damai. Walaupun pada ketika ini sedang menghadapi beberapa isu yang boleh mengancam keselamatan negara.

Dengan kesejahteraan dan ketenteraman yang dikecapi kita dapat melakukan urusan kehidupan dengan lancar, tenang dan juga membawa banyak kebaikan serta rezeki kepada manusia dan negara. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl ayat: 112:

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya: “Dan Allah memberikan satu misalan; Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, tetapi penduduknya kufurkan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan disebabkan apa yang mereka telah lakukan.”

Memelihara kemakmuran dan keamanan adalah suatu yang dituntut dalam kehidupan tanpa mengira anutan agama, bangsa atau keturunan. Sejarah telah membuktikan Nabi Ibrahim AS semasa meneroka pembukaan Mekah sebagai pusat ibadah dan tanah suci telah mendoakan agar Mekah dikurniakan Allah SWT dengan keamanan dan kemakmuran.

Kita juga telah menyaksikan betapa sukar dan malangnya negara-negara yang dilanda bencana alam, kebakaran-kebakaran berprofil tinggi yang meragut nyawa dan melibatkan kerugian jutaan ringgit. Merenung kembali kepada banjir besar yang melanda di bahagian selatan dan pantai timur negara pada suatu ketika benar-benar menguji ketahanan dan mengerah pengorbanan pasukan penyelamat seperti jabatan bomba, tentera, polis dan sebagainya.

Mengambil kesempatan bersempena Hari Anggota Bomba Sedunia yang akan sambutan pada 10 Mei ini, khatib ingin menarik perhatian jemaah untuk bersama-sama mengimbas kembali tragedi-tragedi pahit yang telah menimpa negara dan pengorbanan-pengorbanan anggota bomba dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran awam terpelihara seadanya.

Demi tugas dan tanggungjawab yang digalas, para anggota bomba terpaksa meninggalkan keluarga tercinta dan mempertaruhkan nyawa untuk menempuh api kebakaran yang kepanasannya mencecah ribuan darjah celsius bagi menyelamatkan nyawa mangsa yang terperangkap, menyelam ke dasar lautan dan sungai untuk mencari mangsa yang hilang, bertungkus-lumus menyelamatkan mangsa bencana seperti tanah runtuh, banjir lumpur, tsunami, runtuh bangunan tinggi dan pelbagai lagi kerja-kerja menyelamat. Jerih payah yang tidak mengenal erti siang atau malam ini bukanlah kerana untuk meraih pingat atau kepentingan tertentu, namun semuanya dilakukan untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan masyarakat sebagai satu amanah.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Mungkin masih ada yang tidak menyedari kepentingan pasukan penyelamat umumnya dan jabatan bomba khususnya dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Pada tahun lalu sahaja, sebanyak 82,600 panggilan kebakaran dan menyelamatkan yang dicatatkan di mana bersamaan purata 1,588 panggilan seminggu. Angka tersebut menunjukkan betapa besarnya peranan, tanggungjawab dan pengorbanan dari setiap anggota bomba.

Sejajar dengan itu, khatib ingin menegaskan bahawa kesedaran masyarakat terhadap aspek keselamatan dan bahaya kebakaran perlu dipertingkatkan. Keadaan ini begitu membimbangkan dan perlu diberi perhatian serius oleh setiap lapisan masyarakat. Janganlah kita memandang enteng dan sikap sambil lewa dalam aspek yang melibatkan keselamatan dan pencegahan kebakaran di sekeliling kita. Sebagai contoh, masyarakat perlu menjaga dan melindungi pili-pili bomba dan alat pemadam kebakaran di persekitaran kita, serta melaporkan segera sekiranya terdapat kerosakan.

Selain itu, tanggungjawab bersama dalam menjaga dan mengawasi kemudahan tersebut agar tidak disalahgunakan untuk tujuan lain atau diambil kesempatan oleh pencuri-pencuri besi buruk dengan merosakannya. Perbuatan tidak bertanggungjawab ini dibenci oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam Surah Al-A'raf ayat: 56 yang berbunyi:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan dibumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoa'lah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya ".

### **MUSLIMIN YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat terdapat halangan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh anggota bomba disebabkan sikap tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat. Masalah telah merencatkan dan mengganggu tugas-tugas bomba dalam memastikan perkhidmatan berkualiti dan pantas dapat diberikan.

Bayangkan sekiranya bomba telah menerima 1 panggilan dan terus bergegas ke tempat kejadian namun mendapati itu hanyalah panggilan palsu walhal pada masa yang sama kejadian kebakaran yang sebenar telah berlaku ditempat lain.

Bagaimana perasaan keluarga mangsa yang sepatutnya dapat diselamatkan namun terkorban disebabkan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak seperti ini. Sehubungan dengan itu, khatib ingin menyeru kepada semua jemaah sekalian untuk menyedari kepentingan talian 999 yang disediakan khas untuk panggilan kecemasan semata-mata ini. Berilah penerangan dan pendidikan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan agar talian kecemasan tersebut tidak disalahgunakan.

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Khatib sekali lagi mengajak jemaah dan seluruh umat Islam sekalian agar bersama-sama menjaga kesejahteraan yang dinikmati pada masa ini. Janganlah kita melakukan perkara-perkara yang boleh mengugut keselamatan orang lain. Ingatlah bahawasanya tanggungjawab keselamatan kebakaran dan menyelamatkan bukanlah tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia semata-mata. Ia merupakan tanggungjawab bersama.

Ambillah iktibar apa yang telah berlaku di luar sana bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara terus berkekalan. Marilah bersama-sama kita berdoa ke hadrat Allah SWT agar hidup kita ini dilindungi dari segala malapetaka yang boleh membawa kehancuran kepada rakyat Malaysia yang cintakan kesejahteraan. Ingatlah bahawa memelihara nikmat kesejahteraan merupakan sebahagian daripada ajaran Islam iaitu agama yang membawa kepada keamanan sejagat. Marilah kita renungkan firman Allah SWT dalam Surah An-Naml ayat: 89:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُمْ مِّنْ فَزَعِ يَوْمِذٍ ءَامِنُونَ ﴿٨٩﴾

Maksudnya: "Sesiapa yang datang dengan kebajikan maka ia akan beroleh yang lebih baik daripadanya, dan mereka akan beroleh keamanan pada hari kiamat"

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.